


UNIT PERUBATAN TRANSFUSI JABATAN PATOLOGI HOSPITAL SULTAN ISMAIL JOHOR BAHRU	GUIDELINES	 هوسپتال سلطان اسماعيل
	GARIS PANDUAN BAGI PENGANJUR KEMPEN DERMA DARAH	

GARIS PANDUAN BAGI PENGANJUR KEMPEN DERMA DARAH

1. Tempat dan peralatan;

- Unit bergerak : Sasaran penderma 40 - 200 orang
- Sasaran penderma : Minima 40 orang
- Tempoh masa : 5 jam untuk hari bekerja (sasaran penderma 50 -100)
: 5 jam untuk hari cuti (sasaran penderma 50 -100)
- Keluasan kaki persegi : Minima 40 kaki x 40 kaki bagi 40 orang penderma.
- Tempat yang selesa, sesuai untuk berkumpul, berhawa dingin atau berkipas, terang, tidak panas, peredaran udara yang baik dan jauh dari bunyi bising.
- Elakkan tempat yang panas seperti di bawah khemah atau padang, tersorok, dan menggunakan tangga untuk mengangkat peralatan pendermaan darah.
- Kemudahan asas – Surau/ ruang kecil yang bersih untuk solat, tandas, bekalan air dan 2 unit plug/ soket elektrik.
- Penganjur perlu menyediakan minima 6 meja panjang dan 20/ 30 kerusi untuk penderma menunggu.
- Sila sediakan kipas sekiranya lokasi derma darah tiada penghawa dingin. Ini bagi menjaga suhu darah agar tidak rosak.
- Pelan lantai keperluan disediakan seperti lampiran (Minima sasaran 40 penderma)

2. Makanan

- Pihak kami hanya menyediakan makanan dan minuman ringan (minuman kotak/ isotonik, roti/ biskut, dan air mineral) untuk penderma selepas mereka menderma darah sahaja.

3. Publisiti

- Pihak kami akan membekalkan risalah.
- Pihak kami juga akan memasukkan jadual kempen derma darah di dalam *website* Hospital Sultan Ismail dan Medium *Facebook* kami (*HSIJB Blood Donation Drive Schedule*).
- Pihak penganjur hendaklah mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai Kempen Derma Darah seperti contoh dibawah :

Contoh :

- i. Mengeluarkan notis pengumuman atau poster sebagai hebahan tentang kempen derma darah yang dijalankan sekurang - kurangnya seminggu sebelum tarikh kempen.
- ii. Membuat hebahan menggunakan emel dan sms atau menggunakan media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *instagram*, dan *whatsapp*
- iii. Membuat pengumuman melalui media cetak dan elektronik
- iv. Pengumuman seperti berkempen melalui PA sistem dan sebagainya dilakukan sebagai mengingatkan orang ramai tentang kempen yang diadakan.
- v. Memohon mengadakan ceramah / pameran oleh HSIJB seminggu sebelum kempen berlangsung.

PERINGATAN


- I. Penganjur yang pertama kali menganjurkan kempen derma darah tidak dibenarkan meletakkan **SASARAN** penderma darah yang tinggi dan tidak realistik (melebihi 200 orang penderma)
- II. Penganjuran kali pertama perlu melakukan soal selidik / tinjauan untuk mendapatkan jumlah minima penderma. Sila sertakan senarai nama peserta & no. telefon kepada Unit Perubatan Trasfusi Hospital Sultan Ismail.
- III. Penganjur yang tidak mendapat jumlah minima penderma dialu-alukan untuk menderma di Unit Tabung Darah Hospital Sultan Ismail secara berkumpulan.
- IV. Tarikh penganjuran kempen derma darah perlu ditempah sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh kempen.
- V. Untuk penganjuran kempen derma darah seluruh negara perlu ditempah sekurang-kurangnya **enam bulan** dari tarikh kempen.
- VI. Program kempen derma darah merupakan program khidmat masyarakat yang bertujuan untuk membantu pesakit. Justeru, program seperti ini adalah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk bertujuan mendapat Anugerah *Malaysian Book Of Records*.
- VII. Penganjur **TIDAK DIBENARKAN** untuk mempromosikan barangan lain semasa kempen derma darah dijalankan kecuali mendapat kebenaran bertulis dari pihak Hospital / KKM.
- VIII. Pembatalan kempen derma darah perlu dilakukan dengan pemberian notis bertulis sekurang-kurangnya **dua minggu** sebelum tarikh kempen.
- IX. Aktiviti politik dilarang sama sekali semasa kempen derma darah diadakan.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pegawai bertugas di talian 07-3565000 / samb 4114



**PELAN LANTAI KEPERLUAN KEMPEN DERMA DARAH HSIJB
LAYOUT PLAN FOR BLOOD DONATION CAMPAIGN BY HSIJB**

PERALATAN	JUMLAH DIPERLUKAN
Meja panjang	6 buah
Kerusi	20-30 buah
Kipas Angin Berdiri (Jika tiada <i>aircond</i> disediakan)	4 - 8 buah (Minimum 2 buah)
Plug / Soket (<i>Power Supply</i>)	2 unit



PETUNJUK:	□ MEJA PANJANG	⊗ PLUG
	○ KERUSI	φ KIPAS BERTIRI